

Headline	RM57 juta diluluskan tingkat kapasiti jana elektrik SESB Razak		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	23 Nov 2013	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	22,425
Page No	9	Readership	134,550
Language	Malay	ArticleSize	387 cm ²
Journalist	RAZEEF RAHMAN	AdValue	RM 768
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,304



RM57 juta diluluskan tingkat kapasiti jana elektrik SESB: Razak

OLEH RAZEEF RAHMAN
(razeef@newsabaitimes.com.my)

KENINGAU: Sejumlah RM 57 juta telah pun diluluskan di bawah RMK 10 bagi meningkatkan kapasiti janaan elektrik di stesen SESB Janakuasa Hidro Tenom Pangi.

Kelulusan peruntukkan projek naik taraf ini adalah antara projek yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, semasa mengumumkan Bajet bagi tahun 2014.

Pengarah Urusan SESB, Ir Hj Abd Razak Salim berkata, SESB amat berterima kasih atas keperihatinan kerajaan kerana memperuntukkan sejumlah wang yang besar bagi meningkatkan tahap janakuasa SESB ke arah yang lebih baik.

“Projek ini telah melibatkan kerja-kerja naik taraf sistem penjanaan elektrik di stesen berkenaan dan seterusnya menjadikan kapasiti janaan sedia ada iaitu 66MW (Megawatt) meningkat kepada 75MW iaitu tambahan sebanyak 9MW.

“Kerja-kerja ini telahpun dimulakan secara berperingkat sejak 28 Februari 2011 dan dijangka akan dapat disiapkan pada penghujung tahun 2015”, katanya ketika membuat lawatan kerja di Stesen Hidro Pangi Tenom, dekat sini pada khamis.

Menurut Razak, pelaksanaan projek ini juga mengambil masa yang lebih panjang kerana terdapat tiga buah turbin dan setiap enjin turbin yang dinaiktaraf perlu dilakukan secara bergilir-gilir bagi memastikan keperluan tenaga elektrik seharian di seluruh Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dapat ditampung.

Setakat ini, pelaksanaan projek

ini kini sudah mencapai 47 peratus. Kami sedang menunggu komponen yang diperlukan dari Argentina untuk melakukan kerja-kerja penambah-baikkan.”

“Kini, sebahagian lagi komponen yang diperlukan untuk membuat penambahsuaian telahpun berada di Lumut”, jelasnya lagi.

Dalam pada itu, Razak turut mengingatkan kepada orang ramai terutama sekali yang tinggal berdekatan dengan sungai agar tidak melakukan sebarang sebarang aktiviti pada 20 meter dari tebing sungai.

“Di antara perkara penting yang perlu untuk kita mengekalkan kapasiti janakuasa Hidro ini ialah kualiti alam sekitarnya”.


“Bagi mengekalkan sistem janakuasa ini, kita memerlukan kerjasama daripada semua pihak untuk sama-sama menjaga kebersihan sungai agar tidak melakukan pertanian atau sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan kebersihannya”.

“Jelas sekali, masalah yang sering kami hadapi adalah membersihkan stesen ini apabila sampah yang hanyut dibawa oleh arus sungai ke stesen ini boleh mencapai sehingga satu tan sehari”, tambahnya.

Beliau berharap, kami merayu kepada semua pihak untuk menjaga dan mengekal kebersihan sungai kita agar kelancaran janakuasa stesen Hidro ini boleh menjana kuasa elektrik dengan lebih baik untuk kebaikan bersama.

Hadir sama pada lawatan itu, Pengarah Urusan SESB Ir. Haji Abdul Razak Salim, Pengurus Besar Kanan SESB (Pengurus Aset) Muhammad Nazri Pazil, Pengurus Besar Kanan (Pembangunan Aset) Ir. Abdul Nasset Abdul Wahid.

Headline	RM57 juta diluluskan tingkat kapasiti jana elektrik SESB Razak		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	23 Nov 2013	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	22,425
Page No	9	Readership	134,550
Language	Malay	ArticleSize	387 cm ²
Journalist	RAZEEF RAHMAN	AdValue	RM 768
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,304



RAZAK (satu kiri) bersama dengan Pengurus Besar kanan SESB Ir Muhamad Nazri Pazil (tengah), dan Abdul malik Hj. Ismail Pengurus Stesen Pangi Tenom, meneliti "Map Control Room".



LAWAT ... Razak membuat lawatan ke dalam pusat kawalan Stesen Hidro Pangi.